

22/10/1998

Malaysia tidak buka ekonomi kepada Barat: PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia tetap tidak akan tunduk kepada kehendak Barat yang mahukan ekonomi negara-negara Asia Timur dibuka sepenuhnya kepada syarikat mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Amerika Syarikat dan Eropah mendakwa Asia Timur mengamalkan kroni kapitalisme kerana wujud halangan bagi mereka menguasai syarikat di rantau ini.

Berdasarkan perspektif Barat, katanya, kroni kapitalisme bukan bermaksud memberi peluang kepada rakan atau kroni, sebaliknya kesukaran syarikat Barat khususnya dari Amerika Syarikat menyertai sepenuhnya ekonomi negara di rantau ini.

"Di sebahagian besar negara-negara Asia Timur, wujud semacam sekatan dalam penyertaan asing atau Barat. Sukar bagi kita untuk mencapai sesuatu keadaan yang mereka mahukan sehingga kita membuka sepenuhnya ekonomi kita supaya mereka boleh mengambil alih petroleum, tenaga, telekom dan sebagainya.

"Saya baru sedar perkara itu baru-baru ini kerana mereka dan wartawan Barat terus bercakap mengenai kroni kapitalisme. Bagi mereka, apa Asia Timur patut buat ialah buka semua kepada syarikat paling efisien, paling kaya...amat mudah," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan demikian dalam sidang akhbar mengenai lawatannya ke Jepun di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, petang ini.

Beliau memberikan contoh bagaimana pelabur asing gagal memaksa Korea Selatan membuka ekonominya kerana mendapat tentangan kuat daripada syarikat-syarikat gergasi Korea Selatan (Chaebol).

"Sebagai contoh, apabila Syarikat Kia Motor dilelong beberapa kali, Ford (firma kereta Amerika Syarikat) cuba masuk. Selepas tiga lelongan, Ford tetap gagal mendapatkannya walaupun ia mendakwa mereka membuat tawaran terbaik.

"Bagi mereka...bagi Amerika, ini bermaksud Korea Selatan masih belum melakukan penstrukturan semula dan kronisme masih berlaku di negara itu," katanya.

Dalam kes Malaysia, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama menjelaskan, semua penswastaan diraih oleh rakyat negara ini tanpa penyertaan sebenar firma asing kecuali beberapa syarikat mempunyai kepakaran teknikal yang mendapat sebahagian kecil saham.

"Mereka harap sebagaimana berlaku di Amerika Latin, penswastaan ialah menjual segalanya kepada orang asing. Tetapi di Malaysia dan sebahagian besar negara Asia Timur, penswastaan bermakna daripada kerajaan kepada sektor swasta tempatan.

"Kerana itu, sehingga mereka dapat menembusi sepenuhnya tanpa halangan, mereka akan menganggap apa juga yang dilakukan oleh kerajaan sebagai kronisme," katanya.

Menurut Perdana Menteri, jika negara Asia Timur membuka sepenuhnya ekonomi negara mereka kepada Barat, penjajahan akan berlaku.

"Sebab itu, kita tidak mahu terima bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kerana ia mahu kita buka ekonomi kita seratus peratus, supaya mereka boleh menguasai seratus peratus bank kita, boleh buka cawangan bank asing seluruh negara," katanya.

Mengenai sikap Jepun terhadap perkara itu, Dr Mahathir berkata, Jepun sendiri mengamalkan sekatan yang lebih kuat terhadap usaha Barat itu.

"Apabila Jepun cuba membantu Asia dengan memberi bantuan sebanyak AS\$100

bilion (RM380 bilion), Amerika Syarikat menghalang tindakan itu kerana ia akan menghalang IMF daripada mempengaruhi negara-negara berkenaan.

"Bagaimanapun, Jepun tetap menawarkan AS\$30 bilion untuk membantu negara-negara Asia yang menghadapi masalah ekonomi ketika ini," katanya.

Beliau turut merujuk kepada rencana bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dr Henry Kissinger, yang memberi amaran kepada syarikat Amerika supaya tidak membeli syarikat Asia dan menjadikannya syarikat mereka.

Selain itu, Dr Mahathir juga menjelaskan, sokongan terhadap usaha Malaysia dalam melaksanakan kawalan ekonomi semakin kuat termasuk daripada Naib Menteri Perdagangan Antarabangsa Jepun, Eisuke Sakakibara.

"Ramai lagi yang akan menyetujui pemikiran kita. Malah, (George) Soros akan menulis buku dengan nada yang sama.

"Saya rasa pada satu tahap tertentu, kita telah melaksanakan satu kemajuan dalam menangani masalah ekonomi negara.

"Bagaimanapun, media dan sesetengah pakar Barat mungkin tidak menyetujui langkah Malaysia itu," katanya.

(END)